

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

SOALAN : 101

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Azharuddin Abdul Rahman yang membuat pengumuman kematian 239 penumpang dan krew MH370 tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada para waris.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Azharuddin Abdul Rahman membuat pengumuman kematian 239 penumpang dan krew MH370, pihak MAS telah menghubungi semua keluarga mangsa-mangsa MH370 melalui panggilan telefon, *short message service* (SMS) dan emel memaklumkan berhubung pengisytiharan tersebut.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL**
[JELEBU]
SOALAN : **102**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha yang akan diambil bagi menghadapi kesan fenomena *Madden-Julian Oscillation (MJO)* yang berupaya mengakibatkan perubahan cuaca seterusnya akan meningkatkan kekerapan hujan ekstrem dan kemarau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Madden-Julian Oscillation (MJO) yang dijumpai oleh dua orang saintis bernama Roland Madden dan Paul Julian dalam tahun 1971 adalah fenomena yang baharu bagi rakyat di Malaysia. *MJO* adalah gangguan atmosfera daripada pergerakan kelompok awan hujan dari barat ke timur di kawasan tropika. Ia adalah merupakan interaksi semulajadi antara lautan dengan atmosfera dan mempunyai kitaran pusingan mengelilingi bumi lazimnya dalam tempoh masa 30 hingga 60 hari.

MJO terdiri daripada dua fasa iaitu **fasa basah** dan **fasa kering**. Semasa MJO fasa basah melalui sesuatu kawasan, kecenderungan untuk proses perolakan adalah tinggi dan akan meningkatkan jumlah hujan. Dalam MJO fasa kering pula, udara cenderung untuk mendap dan menyebabkan kurangnya proses perolakan dan seterusnya mengurangkan aktiviti hujan di kawasan tersebut.

Kehadiran MJO fasa basah boleh meningkatkan jumlah hujan di negara kita jika ianya berlaku serentak dengan kejadian luruan monsun yang berlaku musim monsun Timur Laut. Dalam kes banjir semasa musim monsun timur laut yang lepas, kehadiran MJO fasa basah adalah serentak dengan kejadian luruan monsun telah menyebabkan jumlah hujan meningkat. Selain daripada itu, faktor lain seperti kejadian air pasang besar disebabkan oleh fenomena bulan penuh telah melambatkan pengaliran air hujan terus ke laut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum menjawab soalan Yang Berhormat Jelevu dengan lebih lanjut, biar saya jelaskan perbezaan di antara perubahan cuaca (*climate change*) dan keragaman cuaca (*climate viaribility*). Ini adalah kerana MJO tidak mempegaruhi perubahan cuaca tetapi akan memberikan kesan terhadap keragaman cuaca di sesuatu kawasan. Perubahan cuaca ialah perubahan berterusan (menaik atau menurun) jangka panjang (puluhan tahun) berbanding dengan nilai purata. Manakala keragaman cuaca ialah perubahan cuaca dari musim ke musim atau tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan mengambil perhatian serius terhadap kesan MJO setelah melihat impaknya jika ianya berlaku serentak dengan luruan monsun yang menyebabkan banjir di Kelantan pada tahun lepas. Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah terus memantau perkembangan dan pergerakan MJO melalui data-data yang diterima dari pusat pemantauan cuaca antarabangsa seperti **National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)**, **Bureau of Meteorology Australia (BOM)** dan lain-lain pusat pemantauan cuaca.

Kedua ialah pemantauan melalui imej satelit MetMalaysia secara berterusan juga akan diperhebatkan supaya kehadiran MJO dapat dikesan lebih awal. Ini dapat dilihat dengan pembentukan awan tebal terutamanya di Lautan Hindi sebelum ianya bergerak ke arah timur menuju ke kawasan Malaysia.

Data-data yang digunakan oleh MetMalaysia untuk memantau pergerakan dan kedudukan MJO ialah **Outgoing Longwave Radiation (OLR)**, **velocity potential**, anomali angin pada paras rendah dan paras tinggi, dan anomali ketinggian untuk paras 500-hectoPascal (hPa). Di samping itu, Jabatan juga sedang menjalankan kajian lanjut tentang kesan sebenar MJO terhadap cuaca di negara kita.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

SOALAN :

YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) pelan induk yang akan dilaksanakan bagi memulihkan kembali kawasan Cameron Highlands yang terjejas teruk akibat pencerobohan tanah dan insiden banjir lumpur; dan
- (b) perincian kos yang diperlukan di dalam menjayakan pelan induk membaik pulih kawasan Cameron Highlands.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan induk yang dilaksanakan bagi memulihkan kembali kawasan Cameron Highlands yang terjejas teruk akibat pencerobohan tanah dan insiden banjir lumpur pada 5 November 2014 adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pelan induk yang dimaksudkan ini adalah **Kajian Semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands** oleh JPBD, KPKT bagi melakukan tindakan-tindakan *rehabilitation* (pemulihan), *preservation* (pengekalan) dan *enhancement* (penambahbaikan) untuk mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands yang dahulunya terkenal sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi.

Kerajaan amat memandang serius akan kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang melanda Cameron Highlands pada 5 November 2014. Bagi mengekalkan legasi Cameron Highlands sebagai pusat peranginan terkenal di negara ini, tindakan pemulihan Cameron Highlands dilakukan melalui pelbagai agensi kerajaan secara bersepadu seperti berikut:

- a. Menerusi **OPS GADING** yang telah dan masih dilaksanakan sehingga sekarang. Operasi bersepadu ini melibatkan 500 anggota di lapangan

dari 25 buah agensi kerajaan persekutuan dan negeri. Operasi ini tertumpu kepada penangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan pemusnahan ladang serta premis haram di kawasan tersebut. Sehingga 10 Mac 2015, seramai 280 PATI dari pelbagai negara telah ditangkap dan seluas 1,600 ekar ladang dan tanaman haram telah dimusnahkan.

- b. **Program Penghijauan Cameron Highlands** seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang menumpukan kepada usaha penanaman pokok-pokok hutan di kawasan rizab perhutanan yang telah dibersihkan dalam gerakan dalam OPS GADING. Melalui program pemulihan ini, seluas 1,300 ekar kawasan Hutan Simpan Kekal yang diceroboh haram akan dijalankan tanaman pokok bagi menghijaukan semula Cameron Highlands. Sehingga kini, sebanyak 6,000 pokok telah ditanam di kawasan rizab hutan Cameron Highlands. Aktiviti tanaman pokok hutan ini telah dilakukan sebanyak 2 kali. Kali terakhir adalah pada 8 Mac 2015 di Hutan Simpan Siku, Cameron Highlands. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) akan menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)* bagi tugas *surveillance* di kawasan Hutan Simpan Kekal dan juga kawasan tanah kerajaan negeri. Penggunaan aset tersebut diyakini akan memantapkan lagi langkah pencegahan oleh Kerajaan dalam isu penerokaan tanah secara haram.

- c. **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Lembah Bertam. Kerja-kerja telah dimulakan pada 20 Januari 2015 dan skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:
- i. Koridor Sungai selebar 40 meter kiri dan kanan sungai.
 - ii. Panjang sungai lebih kurang 1.7 km.
 - iii. Rekabentuk yang memenuhi kadar alir air sungai pada bacaan $Q = 220\text{m}^3/\text{s}$.
 - iv. Menaiktaraf 5 buah jambatan yang berhampiran dengan sungai terbabit.
 - v. Memindahkan Dewan Orang Ramai Lembah Bertam ke tapak baru.
 - vi. Sistem amaran banjir kepada penduduk yang tinggal berhampiran.
- d. **Kajian Semula Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands** oleh JPBD, KPKT. Jabatan ini melakukan tindakan-tindakan *rehabilitation* (pemulihan), *preservation* (pengekalan) dan *enhancement* (penambahbaikan) untuk memulihkan kembali keadaan di Cameron Highlands.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **perincian kos** yang diperlukan di dalam membaik pulih kawasan Cameron Highlands adalah seperti berikut:

- a. Kos operasi setahun dalam OPS GADING adalah sebanyak RM7 juta;

- b. Program Penghijauan Cameron Highlands oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebanyak RM54 juta; dan
- c. Rancangan Tebatan Banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak RM40 juta.

Sekian. Terima kasih.